

Syarikat disaran tukar cara berniaga

SYARIKAT tempatan disaran menukar pendekatan perniagaan daripada kaedah konvensional kepada yang berasaskan pengetahuan untuk membolehkan mereka bersaing pada peringkat antarabangsa dan meningkatkan produktiviti.

Pengarah Urusan Pricewaterhousecoopers Malaysia (PwC), Chin Kwai Fatt, berkata, ini penting kerana dalam era digital kepantasan menyalurkan maklumat kepada pengurusan atau pekerja, dapat memberi banyak manfaat.

“Dengan globalisasi yang akan melanda, syarikat tempatan perlu mempunyai kaedah pengurusan maklumat yang betul untuk membolehkan mereka bersaing dengan syarikat gergasi antarabangsa,” katanya di Petaling Jaya, semalam.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Jalan Di Hadapan di persidangan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) Kurun Ke-21 anjuran Biro ahli berbahasa Inggeris MCA. Persidangan berkenaan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, bagi membolehkan syarikat digerakkan berdasarkan pengetahuan, mereka perlu melatih tenaga kerja yang ada dengan kemahiran baru, melabur dalam teknologi maklumat dan komunikasi serta mendidik generasi muda.